

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 AUGUST 2016

Musa ramal PRU dalam waktu terdekat

➔ Bekas TPM turut percaya parti
Dr M berdepan laluan sukar

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam meramalkan pilihan raya umum akan diadakan dalam waktu terdekat, meskipun tempoh kerajaan yang ada hanya berakhir pada 2018.

Beliau percaya Barisan Nasional (BN) mahu mengadakannya lebih awal sebelum parti baharu di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dapat bertapak kukuh.

Namun, beliau berkata Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia itu mungkin tidak akan berjaya dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, parti itu berdepan laluan sukar pada pilihan raya akan

datang sama ada mereka bergerak sendiri atau bersama dengan pakatan pembangkang.

“Sama ada menjadi parti yang bersendirian atau bersama pembangkang, cabaran besar dihadapi parti itu adalah mendapatkan persetujuan bersama terutama dalam hal berkaitan pengagihan kerusi untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

“Berdasarkan pengalaman dan sejarah, telah terbukti bahawa setakat ini parti pembangkang gagal mencapai persetujuan bersama daripada soal pengagihan kerusi hingga mengenai dasar dan perjuangan parti masing-masing,” katanya pada sidang media selepas pelancaran buku baharunya *Frankly Speaking* di Bukit Kiara, semalam.

Pelancaran buku disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Yang turut ha-

dir, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Buku setebal 428 muka surat berkulit keras itu adalah sebuah memoir merangkumi catatan terperinci dan menyeluruh Musa sepanjang beliau terbabit dengan politik tanah air. Dalam buku itu, Musa turut menjelaskan mengenai peletakan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, tuduhan pembabitan beliau dalam kes rusuhan 13 Mei dan peristiwa Memali pada November 1985.

Beliau turut melahirkan kebimbangan penubuhan parti serpihan itu melebarkan lagi jurang perpaduan dalam kalangan orang Melayu yang akan merugikan bangsa itu sendiri.

“Saya bukannya rasis tapi ini yang berlaku kerana ada banyak parti yang mewakili orang Melayu pada masa ini,” katanya.

BH
- 11/8/2016